



MPC.200-7/6/17

18 April 2023

EXAC RESOURCES

Ground Floor , Sublot 23, Desa Ilmu Phase 16

Jln Dato' Mohd Musa

94300 Kota Samarahan, Sarawak

Office / Fax : 082 – 367854 | H/p: 0128915442 (Wan Adib bin Wan Ismail)

Emel : exacresources@yahoo.com

Tuan,

**TAWARAN BAGI PERKHIDMATAN KONTRAK SEWAAN MESIN FOTOSTAT UNTUK
KEGUNAAN PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) SARAWAK,
KAWASAN PERINDUSTRIAN DEMAK LAUT, KUCHING SARAWAK**

Adalah saya dengan hormatnya ingin merujuk mengenai perkara tersebut di atas.

2. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa syarikat tuan telah berjaya di dalam sebutharga bagi **Perkhidmatan Kontrak Sewaan Mesin Fotostat untuk Kegunaan Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak , Kawasan Perindustrian Demak Laut, Kuching Sarawak**. Sehubungan dengan itu, pihak MPC secara rasminya melantik **EXAC RESOURCES (SA0167054D)** yang beralamat di Ground Floor , Sublot 23, Desa Ilmu Phase 16 Jln Dato' Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak untuk menyediakan **Perkhidmatan Kontrak Sewaan Mesin Fotostat** di MPC Sarawak mulai **1 Mei 2023** hingga **30 April 2025** iaitu 24 bulan.

3. Untuk pengetahuan pihak tuan, MPC telah bersetuju dengan sebutharga yang telah dikemukakan iaitu **RM 360.00** (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Enam Puluh Sahaja) sebulan ataupun **RM 8,640.00** (Ringgit Malaysia: Lapan Ribu Enam Ratus Empat Puluh Sahaja) termasuk SST untuk tempoh 24 bulan.

4. Walau bagaimanapun penerimaan tawaran perkhidmatan ini memerlukan surat rasmi daripada pihak tuan. Jika pihak MPC tidak menerima surat pengesahan penerimaan tawaran tersebut dalam tempoh masa **satu minggu (7 hari) hari bekerja** daripada tarikh surat ini, bermakna tawaran ini akan ditawarkan kepada pihak lain yang menawarkan sebutharga yang kedua.

5. Dengan tawaran ini adalah diharapkan pihak tuan dapat memberikan perkhidmatan tersebut yang lebih berkualiti kepada MPC Sarawak.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAFIZA ATHA AHMAD)

Pengurus

Pejabat Wilayah Sarawak

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)